

Punca Kemunduran Bangsa Melayu

Sebagai mana tajuk rencana di atas, untuk mencari dan mendapatkan kebenarannya, perlulah kita mengkaji sejarah dan kenyataan yang telah pun berlaku kepada kita bangsa Melayu sendiri. Kemudian mendatangkan beberapa soalan di antaranya iaitu; telah berkemajuankah bangsa Melayu dalam erti kata yang sebenarnya?... Jika sudah apakah bukti dan kenyataannya?..... Jika hanya “teori” apakah itu yang dapat dibanggakan?..... Benarkah Melayu di Malaya ini – di tanah air mereka itu sendiri – mundur?Jika benar, apakah punca dan sebab-sebabnya?!.....

oleh: Alimin

Menurut perhatian dan pendapat saya, bangsa kita Melayu, setelah jatuhnya negara dan kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511 itu terus mundur hinggalah kesannya sekarang terutamanya sekali kita umat Melayu di Malaya. Kemajuan-kemajuan sebagai “satu bangsa” di dunia ini dalam erti kata yang sebenarnya kepada kita belum ada dan boleh dikatakan masih jauh lagi. Kejadian ini berpunca atau disebabkan oleh beberapa faktor ini :-

1. Tidak mengikuti 100 peratus ajaran-ajaran dan dasar-dasar Islam – Islam agama penyelamat itu.
2. Daripada kekhilafan dan kesalahan orang-orang Melayu sendiri.
3. Terjajah oleh faham penjajahan – imperialisme.
4. Tak mahu mengakui kesalahan sendiri dan tak mahu kembali ke pangkal setelah sesat di hujung.
5. Tak mahu membuktikan persatu paduan yang konkrit ke alam nyata.

6. Kita orang-orang Melayu Malaya 80 peratus masih berjiwa hamba, terutama pemuda dan pemudinya.

Inilah 6 sebab yang menjadi punca faktor-faktor yang memundurkan kita bangsa Melayu di segenap lapangan apa pun jua. Selain dari itu adalah hanya akibat-akibat dari kekotoran penjajahan, tidak ada kekusutan yang tak dapat diselesaikan, dan tidak ada kerosakan yang tak dapat diperbaiki.

Tuhan telah pun menyatakan di dalam al-Qur’ān:

“ wa ma asābakum min muṣibatīn fabimā kasabat aydiyakum ”

Ertinya: “Dan barang apa jua bahaya yang mengenai

kamu sekalian itu, adalah pada apa yang diusahakan oleh tangan kamu sendiri”. Allah Maha Kaya dan telah pun menyediakan segala-galanya untuk hambanya dan makhluknya.

Kemerdekaan itu rahmat:

“Kemerdekaan” itu, adalah rahmat dari Tuhan, dan menjadi hak asasi manusia seluruhnya, dan termasuk juga makhluk Allah seperti haiwan dan

lain-lain lagi, ini telah pun diakui oleh siapa pun juga. Kemerdekaan itu ialah kebebasan dan kekuasaan yang 100 peratus kepada satu-satu umat, kaum, masyarakat, bangsa dan negaranya. Merdeka pada teori dan pratiknya sekali, dan jika merdeka pada teorinya sahaja maka yang demikian tidaklah ada ertinya “kemerdekaan” itu.

Kemajuan adalah penting:

Menurut pendapat saya kita bangsa Melayu di Tanah Melayu ini seluruhnya, mengadakan tenaga raksasa - besar-besaran – untuk mencapai kemajuan-kemajuan itu adalah penting sekali. Kemerdekaan kita bangsa Melayu dengan sendirinya menjadi suatu “barang palsu” sekiranya kemajuan-kemajuan seperti mana satu bangsa yang telah merdeka namun kemajuan tidak berada di tangan bangsa Melayu sendiri. Maka untuk menjadikan bangsa Melayu itu suatu bangsa yang berkemajuan hanyalah terletak kepada tiap-tiap orang Melayu sendiri. Yang demikian Tuhan telah pun menyatakan dengan firman “*inna Allāh lā yughayyiru ma yaqūmu*

hattā yughayyirū mā bi anfusihim”. Ertinya “Allah tidak mengubah apa yang ada pada satu-satu kaum atau bangsa itu hingga mereka itu mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri”.

Tanggungjawab siapakah ini?

Setelah kita bersama menyedari akan hal dan nasib kita hari ini, di kelas nombor berapakah letaknya, dan bagaimanakah pada masa hadapan, maka tanggungjawab ini adalah tanggungjawab umat Melayu kita sendiri, untuk bangsa Melayu hari ini, dan anak cucu kita kelak. Tanggungjawab ini juga terutama terletak kepada para pemuda- pemudi Melayu yang dikatakan: “Pemuda harapan bangsa – pemudi tiang negara” itu. Dengan yang demikian itu, saya bisikkan kepada seluruh bangsaku umat Melayu tercinta, marilah kita lancarkan terus tenaga raksasa kita dalam segala lapangan dengan satu kawalan cita-cita yang suci murni menuju kemajuan kita bangsa Melayu yang gemilang dan abadi.

DI SEBUT DI DALAM

SIARAN PEJABAT PELAJARAN SELANGOR

No. 16/58.

(Bahagian Melayu)

Sepuluh buku2 penerbitan Qalam adalah disebut di dalam Siaran Pejabat Pelajaran Selangor sebagai buku2 yang telah disemak.

Saya berpendapat buku2 ini adalah sangat sesuai dijadikan buku2 tambahan bacaan dan buku2 Kutub Khanah di sekolah2 Umum Selangor.....”, kata Ketua Pegawai Pelajaran Selangor.

Buku2 Rumi Qalam

BUKU2 CHERITA SEJARAH

1.	Cherita2 Sejarah I	\$1.00
2.	Cherita2 Sejarah II	1.00
3.	Bangkai Bernyawa	1.00
4.	Sisa Neraka Dunia	1.00
5.	Balek dari Medan Perjuangan	1.00
6.	Keris Sempena Riau	1.00

BUKU2 SASTERA dan KEBUDAYAAN

7.	Teras Kebudayaan Nasional	1.50
8.	Kesan Kesusasteraan Tua Di-Tanah Ayer	2.00
9.	Tinjauan Sastera Tanah Ayer	1.50